

# Merintih nak tengok ibu

Metro 6/8/12 ms k.

## Warga emas terbunuh manakala lapan termasuk bayi tujuh bulan parah dalam nahas membabitkan tiga kereta

>>Oleh Suraya Roslan

surayaroslan@hmetro.com.my

**S**EREMBAN: “Memilukan apabila saya dapat mendengar semua mangsa menjerit meminta tolong, tetapi kami tidak dapat mengeluarkan mereka berikutan tersepit di tempat duduk masing-masing,” kata Muhamad Nasir Jaafar, 29, saksi kemalangan maut membabitkan tiga kenderaan di Kilometer 14.8, Jalan Seremban-Kuala Pilah di Bukit Putus, di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 1.40 tengah hari itu, seorang warga emas, Rohani Saidin, 52, maut, manakala lapan yang lain parah selepas terbabit dalam kemalangan membabitkan tiga kereta.

Muhamad Nasir berkata, dia yang memandu sendirian dari Seremban ke Kuala Pilah terkejut sebaik melihat kemalangan itu dan bergegas untuk membantu mangsa.

“Saya melihat pemandu Proton Waja dinaiki lima sekeluarga tersepit di tempat



**REMUK...keadaan tiga kenderaan yang terbabit nahas.**

duduk pemandu dan sedang meraung kesakitan.

“Dalam kereta itu juga kelihatan seorang wanita warga emas berlumuran darah berada di bawah tempat duduk belakang ditindih seorang lagi wanita dan seorang bayi berusia tujuh bulan yang menangis,” katanya.

Katanya, orang ramai membantu mengeluarkan kanak-kanak dan wanita itu se-

belum dihantar ke Hospital Tuanku Jaafar Seremban (HTJS), manakala, warga emas berkenaan meninggal dunia di tempat kejadian.

“Lebih menyayat hati, pemandu lelaki dipercayai anak kepada mangsa yang maut itu merintih untuk melihat keadaan ibunya, tetapi kami hanya menyedapkan hatinya memberitahu ibunya selamat.

“Kemudian, orang ramai



**CEDERA...mangsa yang cedera dibawa ke hospital.**

bergegas pula membantu mengeluarkan tiga sekeluarga termasuk anak mereka berusia setahun yang menaiki Proton Saga,” katanya.

Saksi lain, Syed Azril Syed Zamri, 33, berkata, ketika kejadian dia menaiki kereta Toyota Camry bersama isteri dan seorang anaknya dari Kuala Pilah menuju ke Seremban.

“Saya sedang mengekori Proton Saga dinaiki tiga se-

keluarga dan Proton Waja dinaiki lima sekeluarga.

“Tiba di tempat kejadian, tiba-tiba saya nampak kereta Honda CRV dipandu seorang lelaki dari arah bertentangan hilang kawalan lalu memasuki laluan kereta Proton Waja sebelum bertembung.

“Malah, saya terkejut apabila mendengar letupan yang kuat sebelum Proton Waja itu

dirempuh pula Proton Saga dari belakang,” katanya ketika ditemui di tempat kejadian, semalam.

Katanya, dia bernasib baik kerana sempat membrek sebelum berhenti untuk memberikan bantuan kepada mangsa.

Sementara itu, jurucakap polis berkata, mangsa yang maut adalah seorang daripada penumpang belakang Proton Waja terbabit.

Katanya, Rohani meninggal dunia di tempat kejadian akibat parah di kepala dan badan.

“Semua mangsa yang cedera termasuk pemandu Honda CRV berusia 60 tahun, empat penumpang Proton Waja berusia antara tujuh bulan hingga 56 tahun dan tiga sekeluarga berusia satu hingga 30-an yang menaiki Proton Saga itu dikejarkan ke HTJS,” katanya.

Ketua Polis Daerah Seremban, Asisten Komisioner Saiful Azly Kamaruddin ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan kes itu.